



UCAPAN

**Tuan Haji Mohammed Azmil Ismail
Pengurus Loji Janakuasa Lumut,
Malakoff Corporation Berhad**

Program Kenali Penyu, Sayangi Penyu 2016

Yang Berusaha Dr. Bah Piyon Tan,
Pengarah Perikanan Negeri Perak

Yang Berusaha Encik Kasim Tawe,
Ketua Cawangan Pengurusan & Pemuliharaan Sumber, Jabatan
Perikanan Negeri

Yang Berusaha Tuan Syed Abdullah,
Pengarah FRI Rantau Abang

Para Petugas Media,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bagi pihak Malakoff Corporation Berhad, saya ingin mengucapkan selamat datang ke Program Kenali Penyu, Sayangi Penyu 2016. Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama-sama anda sekalian untuk tahun kelima penganjuran program ini.

Tuan – tuan dan Puan-puan,

Kami telah memulakan Program Kesedaran Penyu ini pada tahun 2011 dan berjaya meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat setempat tentang populasi penyu yang semakin berkurangan. Walau bagaimana pun, untuk menjadikan program ini lebih berkesan, ia mesti diteruskan dan kita memerlukan sokongan komuniti tempatan untuk membawa lebih banyak perubahan.

Oleh itu, kami sangat berbesar hati dengan kerjasama Jabatan Perikanan yang selama ini memastikan kemandirian penyu. Kerjasama ini bukan sahaja membolehkan kami mengumpul pengetahuan tentang spesies terancam tersebut, tetapi yang lebih penting, ia memberi kami pengalaman yang dapat menyumbang ke arah pemuliharaan penyu yang lebih berkesan.

Pada tahun lepas kita telah menyaksikan pelepasan penyu bersatelit kedua yang bertujuan untuk mengumpul data dan maklumat mengenai penghijrahan penyu yang bertelur di pantai Segari. Hasil kajian yang diperolehi FRI mendapati, haiwan itu telah berhijrah merentasi Malaysia ke perairan di Sumatera, Indonesia yang merupakan kawasan pencarian makanan asal.

Tuan – tuan dan Puan-puan,

Program Kenali Penyu, Sayangi Penyu ini merupakan salah satu inisiatif di bawah platform tanggungjawab sosial korporat (alam sekitar) Malakoff. Program ini merupakan salah satu daripada usaha dan komitmen

berterusan pihak Malakoff terhadap penjagaan alam sekitar. Selain daripada program Kenali Penyu Sayangi Penyu ini, kami turut memfokuskan kepada penanaman semula pokok bakau, projek pemindahan kima gergasi dan pemuliharaan terumbu karang yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran umum tentang pentingnya kima gergasi dari segi ekologi dan ekonomi melalui program pendidikan.

Komitmen tinggi Malakoff di dalam aspek pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar bersama pihak-pihak berkepentingan telah mendapat penghargaan dari kerajaan. Pada tahun 2014, Malakoff telah memenangi Anugerah Langkawi yang merupakan sebuah anugerah berprestij sempena Minggu Alam Sekitar anjuran Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar. Manakala, pada tahun ini, Malakoff telah menerima penghargaan dari Persatuan Pencinta Alam Malaysia di atas dedikasi dan usaha berterusan ke arah pemeliharaan alam sekitar bersama masyarakat setempat.

Tuan – tuan dan Puan-puan,

Kesedaran merupakan agen pemangkin perubahan yang paling berkesan. Dengan kesedaran yang lebih tinggi tentang masalah spesies penyu, generasi muda yang bakal menjadi pemimpin masa depan amat digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam usaha pemuliharaan dan perlindungan spesies ini.

Oleh itu, kami telah menjemput 20 orang pelajar dari Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Marine Engineering Technology, cawangan Lumut yang ada bersama-sama kita pada hari ini untuk belajar dan mengenali penyu dengan lebih dekat lagi.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan pihak kami di dalam penjagaan alam sekitar. Oleh itu, kami berharap agar para pelajar dan masyarakat setempat akan mendapat lebih input untuk memulihara populasi penyu yang semakin berkurangan.

Tuan – tuan dan Puan-puan,

Diharap dengan penerangan yang telah diberikan oleh pegawai dari Pusat Penyu dan Ekosistem Marin (TUMEC) akan meningkatkan lagi kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penyu terhadap ekosistem kita, selain mendapat gambaran yang lebih jelas tentang peranan mereka dalam memulihara spesies yang terancam ini.

Kami berharap agar para pelajar dan masyarakat di sini akan mendapat manfaat daripada program pada hari ini. Sebagai syarikat yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap aspek-aspek pemuliharaan alam sekitar terutamanya di sekeliling tempat kami beroperasi, pihak Malakoff merasa terpanggil untuk membantu Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pasir Panjang, Segari ini dalam usaha memulihara spesies penyu yang kian terancam di Malaysia.

Oleh itu, pada hari ini, pihak kami amat berbesar hati untuk menyumbangkan dana RM 10,000 untuk keperluan pusat ini.

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan Jabatan Perikanan Perak, para pelajar Universiti Kuala Lumpur, penduduk & nelayan di sekitar Kg Segari yang sudi hadir serta kakitangan Loji Janakuasa Lumut yang telah

bersama-sama menjayakan program pada tahun ini. Semoga kita dapat meneruskan lagi program seumpama ini di tahun akan datang.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.